KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMAS

SIARAN MEDIA

PROGRAM KOMUNITI DESA (MODE) DAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT SEJAHTERA (PPRS) DEMI KESEJAHTERAAN MASYARAKAT LUAR BANDAR

Program Motivasi Desa (MODE) 2025 mencatat sejarah tersendiri apabila dilaksanakan **secara serentak di 14 negeri melibatkan penyertaan seramai 2,100 pelajar sekolah menengah dan mahasiswa dari seluruh negara**.

Program anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini menjadi platform **menggerakkan sinergi mentor-mentee yang menghimpunkan seramai lebih 1,800 pelajar desa bersama 300 mahasiswa UiTM sebagai fasilitator.**

Program MODE ini turut diperkukuh dengan sinergi pelaksanaan Program Bakti MADANI, iaitu inisiatif KPT yang dilaksanakan oleh UiTM bertujuan memperkukuh hubungan antara mahasiswa dan komuniti melalui pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan pembangunan komuniti. Pendekatan ini memperluas impak program, bukan sahaja dari sudut bimbingan akademik, malah menyuburkan nilai empati, kepimpinan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa yang terlibat. Antara pengisian utama program adalah termasuk bengkel gaya belajar, sesi motivasi, aktiviti kumpulan mentor-mentee serta pameran interaktif **yang melibatkan lebih 16 agensi termasuk agensi-agensi di bawah KKDW**.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Masjid Tuminah Hamidi, Bagan Datuk ini telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah. Turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir **bersama lebih 750 orang tetamu.**

Dalam majlis ini turut diadakan sesi *Town Hall* bersama YAB Timbalan Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung menerusi platform rasmi KEMAS, membolehkan pelajar dari seluruh negara berinteraksi secara langsung dan mengemukakan soalan kepada pemimpin tertinggi negara. Turut serta dalam sesi tersebut ialah Menteri Pendidikan Tinggi yang turut berkongsi pandangan bersama peserta secara dalam talian.

Majlis turut menyaksikan **sesi penyerahan replika kunci sebagai salah satu simbolik penyerahan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS).** KKDW telah menjenamakan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada PPRS dan YAB Timbalan Perdana Menteri telah menyerahkan replika kunci sebagai satu simbolik penyerahan projek PPRS pertama di daerah Bagan Datuk. Ini adalah komitmen berterusan Kerajaan MADANI khususnya KKDW dalam menyediakan kediaman yang selesa dan teratur kepada golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar. Bagi Negeri Perak, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sebanyak **RM98.14 juta** diperuntukkan bagi tempoh 2021 hingga 2025**,** melibatkan pembinaan **678 unit rumah Bina Baharu dan 2,679 unit rumah Baik Pulih** yang memberi manfaat kepada **hampir 16,785 isi rumah.** Khusus bagi tahun 2025**, sejumlah RM24.6 juta** diperuntukkan untuk PPRS Negeri Perak melibatkan **157 unit rumah Bina Baharu** dan **514 unit rumah Baik Pulih.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2.92 juta** diperuntukkan untuk pembinaan PPRS di Bagan Datuk, Perak meliputi **20 unit rumah Bina Baharu** dan **67 unit rumah Baik Pulih** dalam tahun 2025**.**

Selain itu, turut diadakan **pelancaran inisiatif Quran Minute@TABIKA/TASKA KEMAS** yang melibatkan seramai **150,000 kanak-kanak** di seluruh negara sebagai pengisian rohani lima minit setiap pagi sebelum sesi pembelajaran bermula.